

Dr. Mahathir ke sidang ekonomi Asean Jakarta esok

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad akan berlepas ke Jakarta Ahad ini untuk menghadiri mesyuarat dua hari Menteri-menteri Ekonomi Asean bermula 5 Jun ini.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan mengetuai satu rombongan 20 orang pegawai tinggi Malaysia ke mesyuarat tersebut. Sebahagian besar anggota rombongan itu telahpun berlepas ke Jakarta semalam.

Timbalan Ketua rombongan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Tun Sri Nasrudin Mohamad, lain-lain anggota ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perhubungan, Haji Mohamad Noor Hassan, Pengerusi Fida, Datuk Jamil Jan, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Wong Yoke Meng.

Timbalan ketua Pengarah Fida, Encik N. Sadasivan dan Penolong Ketua Pengarah Kastam, Encik Abdul Rahim Datuk Tak.

Mesyuarat dua hari itu dijangka akan dirasmikan oleh Presiden Suharto atau Pemangku Presiden, Tun Adam Malik.

Mesyuarat itu antara lain akan menimbang laporan-laporan dari lima jawatankuasa ekonomi — perdagangan dan pelancongan; perindustrian, galian dan tenaga; makanan, pertanian dan perhutanan; pengangkutan dan perdagangan dan kewangan serta bank.

Kerjasama

Menteri Ekonomi Asean akan mengkaji kemajuan kerjasama ekonomi antara Asean dengan negeri-negeri lain di samping meninjau perhubungan antara Asean dengan Kesatuan Ekonomi Bersama (EEC), Japan, Amerika Syarikat, New Zealand dan Australia, dan Canada.

Laporan mengenai pelaksanaan lima projek perindustrian Asean juga akan turut dibincangkan.

Malaysia dijangka akan mengemukakan laporannya mengenai projek baja urea berharga \$20 juta yang disiapkan oleh satu pasukan perunding dari Jepun beberapa masa lalu.

Dato Seri Dr. Mahathir yang pulang dari mengetuai rombongan perlabuhan Malaysia ke Eropah malam ini, dijangka akan mengemukakan soal penubuhan sebuah pusat galakan perdagangan Asean di Eropah, kemungkinan besar di Copenhagen.

No. Siri: 1225

No. Per: 996/80